

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 NOVEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

## Ekonomi suku ketiga berkembang kukuh 14.2 peratus



**Pertumbuhan positif disokong pasaran kerja lebih baik, pendapatan meningkat**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Ekonomi** Malaysia berkembang luar biasa 14.2 peratus pada suku ketiga 2022 disokong oleh permintaan domestik yang berterusan, pasaran pekerjaan yang kukuh dan permintaan luaran yang mantap.

Pertumbuhan itu adalah lebih baik berbanding suku kedua 2022 yang mencatatkan pertumbuhan 8.9 peratus dan lebih kukuh berbanding 5.0 peratus yang dicatat pada suku pertama 2022.

Kali terakhir ekonomi negara ini mencatatkan pertumbuhan dua angka adalah pada suku kedua tahun lalu sebanyak 16.1 peratus.

Secara keseluruhan, pertumbuhan kukuh 14.2 peratus pada suku ketiga 2022 itu menjadikan pertumbuhan bagi sembilan bulan 2022 sebanyak 9.3 peratus.

Gabenor Bank Negara Malaysia



Nor Shamsiah pada sidang mengumumkan prestasi ekonomi dan kewangan Malaysia pada 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

(BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh disokong oleh keadaan pasaran pekerjaan dan pendapatan yang bertambah baik serta sokongan dasar yang berterusan.

### **Eksport terus kukuh**

Beliau berkata, eksport terus disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap produk elektrik dan elek-

tronik (E&E), pemulihan pelancongan ke dalam negeri memberikan sokongan tambahan kepada kegiatan ekonomi.

"Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 14.2 peratus pada suku ketiga 2022, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh. Ini juga bermakna ekonomi berkembang sebanyak 9.3 peratus dalam sembilan bulan tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang media mengumumkan prestasi ekonomi dan kewangan Malaysia pada 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kerancangan semula aktiviti ekonomi dan sosial serta peningkatan jumlah ketibaan pelancong hasil daripada pembukaan semula sempadan antarabangsa memacu pertumbuhan yang kukuh.

Katanya, ia juga adalah satu daripada faktor yang menyumbang kepada rangsangan dalam pemulihan sektor berkaitan pelancongan.

"Pertumbuhan yang tinggi disebabkan oleh kesan asas yang rendah berikutan langkah pembendungan yang lebih ketat di seluruh negara pada suku ketiga 2021," katanya.

Mengikut sektor, pertumbuhan terus didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, yang mana sektor perkhidmatan berkembang 16.7 peratus, pembuatan mencatatkan 13.2 peratus, pertanian berkembang sebanyak 1.2 peratus, perlombongan pula berkembang pada 9.2 peratus dan pembinaan sebanyak 15.3 peratus.

Inflasi keseluruhan pada tahun ini mungkin mencapai tahap tertinggi iaitu 4.5 peratus pada suku ketiga, manakala inflasi asas terus meningkat kepada 3.7 peratus.

Peningkatan inflasi keseluruhan sebahagian besarnya didorong oleh kesan asas daripada diskaun bil elektrik yang dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021, serta peningkatan berterusan dalam inflasi teras dan barangan yang harganya tidak menentu.

Tekanan inflasi mencerminkan gabungan tekanan kos yang meningkat khususnya untuk barangan berkaitan makanan serta keadaan permintaan yang kukuh.